

## Dato Maharaja Lela

- Dato Seri Maharaja Lela adalah gelaran berasal dari Melaka.
- Di Perak, beliau adalah Ketua Orang Besar Delapan dan berkuasa menghukum pesalah serta bertanggungjawab mempertahankan raja.
- Mempunyai sumber penguasaan cukai wilayah penguasaannya di Pasir Salak hingga ke Sungai Dedap.
- Frank Swettenham dalam bukunya 'Stories and Sketched' mencatatkan Maharaja Lela seorang yang gagah dan berkedudukan tinggi.
- Berkedudukan tempat ketujuh dalam senarai kekananan daripada kedudukan Sultan Abdullah.
- Dihukum mati kerana terbabit dalam pembunuhan Birch.

## Pandak Indut

- Bapa mentua kepada Dato Maharaja Lela.
- Pahlawan Melayu aktif menentang British.
- Menerima pedang daripada Dato Maharaja Lela untuk membunuh Birch yang mengarahkan menampal surat pengumuman di Pasir Salak.
- Beliau adalah orang pertama mengoyak surat ditampal Mat Arshad dan menikam suruhan Inggeris itu dengan lembing.
- Ditangkap di Kota Lama pada Julai 1876 atas tuduhan membunuh Birch.

# Sejarah yang dilupakan

Oleh Mohd Azis Ngah  
azis@bharian.com.my

**S**EPANJANG perjalanan dari Taiping ke Kuala Sepetang (Port Weld), yang jaraknya kira-kira 12 kilometer dari Bandar Taiping, Perak kelihatan banyak pokok besar di sepanjang jalan terutama di kawasan Matang yang mungkin usianya mencecah ratusan tahun.

Pokok besar itu dikatakan ditanam oleh penjajah Inggeris dengan tujuan tertentu, ada yang mendakwa sebagai penanda kawasan laluan, penanda pendudukan kolonial dan ada juga yang mengatakan ia satu daripada kempen alam sekitar.

Laluan darat itu sebenarnya bersebelahan landasan kereta api bersejarah antara Taiping ke Port Weld sejauh 12 kilometer (km).

Di antara puluhan pokok besar itu, ada dua batang pokok besar, setinggi kira-kira 20 meter dan mungkin usianya mencecah hampir ratusan tahun yang terletak di arah bertentangan dengan pokok yang dikatakan ditanam oleh penjajah Inggeris.

Saiz ketinggiannya jika ditebang untuk dijadikan balak, ia boleh dipotong dua balak atau tual iaitu satu tual panjangnya bersamaan dengan saiz lori balak. Ukur lilit dianggarkan lebih satu pemeluk orang dewasa.

Tempat tiga pejuang Melayu digantung pada pokok memelam, Januari 1877 terbiar.



Kakitangan Kompleks Sejarah Matang, Ahmad Khopapi menunjukkan pokok memelam pauh sebesar dua pemeluk orang dewasa, benih pokok induk tempat tiga pejuang Melayu digantung mati.



21/2/08  
M/S 2

## Dato Sagor

- Nama panggilan kepada Ngah Kamdin yang bergelar Datuk Seri Agar Diraja, Orang Besar Delapan, Perak.
- Diputerakan di Kampung Gajah tetapi berhijrah ke Larut pada usia muda mengusahakan lombong bersama Che Ngah Ibrahim.
- Mempunyai 9 anak iaitu, Long Mabu, Alang Siap, Uda Bidah, Itam Jailah, Anjang Abdullah, Teh Nasa, Mat Dagang, Kulob Satar dan Alang Ismail.
- Keturunan Teh Nasa paling menonjol, anak keduanya melahirkan Hamzah, Ngah Mutalib, Hajjah Rahmah dan Mohd Abas.
- Mohd Abas pernah menyandang jawatan sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) selama lima penggal.
- Anak saudaranya, Tan Sri Ramli Ngah Mutalib adalah bekas Menteri Besar Perak.

Dua pokok mempelam pauh itu terletak di satu selekoh. Kedudukannya agak terpinggir, kawasannya tidak dijaga, dipenuhi lalang manakala sebuah rumah lama di tepinya kelihatan usang dan terbiar. Jika diteliti, kedudukannya di sebelah kanan dari arah Taiping betul-betul berdepan dengan Kompleks Sejarah Matang.

Mungkin ramai yang tidak peduli atau tidak tahu, di situlah sebenarnya British menggantung sehingga mati tiga pejuang dan pemimpin Melayu yang disabitkan kesalahan bersubahat dan membunuh Residen Perak yang pertama, James Wheeler Woodford Birch atau JWW Birch di Pasir Salak.

Dato Seri Maharaja Lela, Dato Sagor dan Pandak Indut menghembuskan nafas terakhir di tali gantung yang diikat pada pokok induk mempelam pauh berkenaan.

Ketika berlakunya pembunuhan Birch, Pandak Indut adalah orang pertama yang



*Memang di situlah ketiga-tiga pejuang bangsa itu digantung, cuma pokok mempelam pauh yang asal sudah tumbang dan kini hanya tinggal dua batang pokok generasi baru"*

**Ahmad Sazali Sabu**  
Pembantu Muzium,  
Kompleks Sejarah Matang

rejem lembing kepada Residen British itu disusuli libasan lembing oleh Si Puntung. Pandak Indut atau nama sebenarnya Ngah Kamdin dan menantunya, Dato Maharaja Lela disabitkan kesalahan bersubahat dalam serangan itu.

Pembunuhan pada 2 November 1875 itu banyak dicatatkan buku sejarah, jurnal, perbincangan tetapi yang pasti ia adalah kemuncak sejarah perjuangan Melayu menentang penjajah di Pasir Salak. Ia adalah sejarah agung yang dikenang sebagai bukti perjuangan demi cintakan bangsa, agama dan tanah air.

Kini selepas 133 tahun serangan itu berlaku, yang tinggal cuma dua batang pokok generasi baru hasil benih pokok induk, tetapi berdasarkan keadaannya sekarang, boleh dibayangkan betapa besarnya pokok berkenaan pada ketika itu.

Selain itu, kedudukannya

juga menimbulkan tanda tanya apa motifnya hukuman gantung diadakan di situ.

Ada yang mengatakan, hanya satu tujuan iaitu supaya hukuman itu dapat disaksikan oleh penduduk kampung supaya jangan sekali mencabar pemerintahan British serta menakutkan orang ramai untuk membuktikan kekuasaan Inggeris ke atas Tanah Melayu.

Rumah Kapten TCS Speedy yang mengetuai pasukan polis Ngah Ibrahim juga bersebelahan tempat itu, jadi memang sesuai ia dijadikan tempat menjalankan hukuman.

Pembantu Muzium, Kompleks Sejarah Matang, Ahmad Sazali Sabu, berkata berdasarkan cerita lisan yang diwarisi turun temurun, memang di situlah ketiga-tiga pejuang bangsa itu digantung, cuma pokok mempelam pauh yang asal sudah tumbang dan kini hanya tinggal dua batang pokok generasi baru.

"Kawasan itu asalnya adalah bandar lama Matang. Sebab itulah adanya balai polis dan beberapa rumah lama berdekatan pokok mempelam. Rumah lama itu adalah bekas kuarters Jabatan Kerjaya Raya (JKR) yang pernah diduduki pegawai British dan ditutup pada awal 1960-an.

"Bersebelahan itu juga adalah bekas tapak bangunan majistret, tempat pembicaraan pesalah tetapi sudah hangus terbakar. Rumah majistret itu pernah dijadikan lokap kes jenayah kecil seperti mencuri. Mereka ditempatkan di bawah rumah," katanya.

Namun, agak menyedihkan kerana kawasan itu langsung tidak mempunyai papan tanda penerangan mengenai peristiwa bersejarah pernah berlaku di situ. Apa yang boleh dilihat dan dilawati cuma Kompleks Sejarah Matang, bekas Kota Ngah Ibrahim serta rumah Kapten Speedy.